

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

Bil:(05)dIm.MDBG.S40/2016

Tarikh: **13 September 2016**

NOTIS SEBUTHARGA

(SEBUTHARGA: 26/2016)


SEBUTHARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebutharga ini terbuka kepada kontraktor yang **berdaftar GST / tidak berdaftar GST** serta **bertaraf Bumiputera** sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebutharga: 26/2016 Projek: KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI BANDAR PULAI JAYA, SIMPANG PULAI	GRED G1 Kategori C Pengkhususan CE 21	Tempat Taklimat: Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Tarikh: 20 September 2016 Jam: 9.00 Pagi Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual: 20 September 2016 Waktu: 8.00 pg hingga 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 8.00 pg hingga 12.00 t/hari 3.00 ptg hingga 4.30 ptg (Jumaat)	Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM50.00	Tarikh Tutup: 27 September 2016 Jam: 12.00 Tengahari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
2. Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal Kontraktor** dan dikemukakan semasa pendaftaran. (**Wakil tidak dibenarkan**).
3. Semua kontraktor hendaklah memastikan bahawa **Sijil CIDB dan Sijil Bhg. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (PKK)** masih **berkuatkuasa** semasa menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki sebutharga tersebut. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk memasuki sebutharga ini.
4. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebutharga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga**.

5. Semua borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUTHARGA, DI JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH seperti di atas.
6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MAJLIS DAERAH BATU GAJAH sahaja yang layak untuk dipertimbangkan.
7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga yang disyorkan.


(SHAHRI BIN TAN)
Setiausaha
b.p Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah.